

12 OCT 1997

Mahathir-sambutan

LEBIH 1,000 ORANG SAMBUT DR MAHATHIR DI LANGKAWI

LANGKAWI, 12 Okt (Bernama) -- Sokongan padu rakyat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terbukti lagi hari ini apabila lebih 1,000 orang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini.

Ketibaan Perdana Menteri dengan sebuah pesawat khas pada 9.45 pagi juga disambut oleh semua anggota Exco Kerajaan Negeri.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid turut tiba dengan pesawat khas itu.

Mereka yang hadir membawa beberapa sepanduk menyatakan sokongan padu kepada ketegasan Dr Mahathir menentang sebarang cubaan untuk menjejaskan ekonomi negara.

Perdana Menteri kemudian berucap selama setengah jam dengan menyentuh usaha asing menyerang mata wang negara.

Sebaik sahaja majlis sambutan itu tamat, Perdana Menteri melawat projek pembesaran Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, iaitu tapak bagi Pameran Udara sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi yang dijadual dari 2 hingga 7 Dis ini.

Dr Mahathir juga dijangka melawat tapak projek yang akan menempatkan pameran maritim di Tanjung Malai selain beberapa projek termasuk Kampung Buku di Lubok Semilang dekat sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- BERNAMA

NH MAI